

TANAH : CABARAN DAN MASA DEPAN INSTUN

Malaysia kini meneruskan lagi struktur pentadbiran negara menuju pembangunan yang semakin pesat dijalankan. Entiti Malaysia yang dikenali umum sebagai sebuah negara maju yang membangun yang dipimpin oleh pemimpin yang berkaliber, Dato' Seri Najib bin Razak menjadi perhatian dunia pada hari ini. Pembangunan diteruskan lagi dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

Institusi Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) adalah salah satu institusi yang memainkan peranan penting dalam sektor pembangunan negara. Bertepatan dengan misi INSTUN iaitu untuk memaju dan membangunkan modal insan serta mewujudkan masyarakat berpengetahuan dalam bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat melalui program latihan yang komprehensif, sistematik dan berkualiti serta penyediaan bahan rujukan untuk masyarakat umum, kini semakin mendapat tempat pelbagai pihak.

Pemerkasaan ilmu berkenaan bidang pentadbiran tanah sangat penting pada hari ini kerana peningkatan jumlah penduduk di Malaysia yang meningkat saban tahun ditambah pula dengan kehadiran pekerja-pekerja asing memberikan satu tamparan hebat pada kita orang melayu dalam hak pemilikan tanah selaku peribumi. Siapa lagi yang berhak untuk mempertahankan ketuanan tanah air kita jikalau bukan kita sendiri? Usah nanti kita menjadi seperti pengemis di tanah air sendiri ibarat melukut di tepian gantang. Cukuplah tanah di Pulau Pinang yang majoritinya dikuasai oleh bukan orang Melayu. Maka, peripenting keilmuan pentadbiran tanah ini sangat penting bagi warga Malaysia khususnya bangsa Melayu yang merupakan anak jati tempatan.

Objektif Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) iaitu meningkatkan kompetensi modal insan dalam Pentadbiran Tanah, Ukur dan Pemetaan serta Teknologi Maklumat melalui latihan yang sistematik dan terancang akan lebih cerah dengan RMK-11. Merujuk bab keenam dalam RMK-11, iaitu menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampunan dan daya tahan adalah sangat baik. Ini adalah antara faktor yang bakal memberi sumbangan ke arah kompetensi modal insan serta kesejahteraan alam semula jadi di Malaysia. Kemajuan pesat yang berlaku akan seiring dengan pengekalan kehijauan bumi Malaysia lantas menolak andaian negatif sesetengah pihak bahawa kesejahteraan tanah dan alam semula jadi di Malaysia akan tercemar dek pembangunan yang berlaku.

Di sebalik kemajuan yang sedang rancak ini, negara kita terpalit dengan beberapa kegiatan haram yang mengganggu-gugat kemajuan negara. Kembalinya isu pencerobohan tanah yang berlaku di Cameron Highland sejak kebelakangan ini perlu diatasi. Aktiviti penerokaan hutan bagi mewujudkan kebun sayur haram di Cameron Highlands adalah salah sama sekali. Aktiviti itu dipercayai kembali menghantui tanah tinggi tersebut sehingga boleh menjelaskan alam sekitar di samping turut menjelaskan keindahan panorama di Cameron Highlands serta mengganggu sektor pelancongan negara.

Bukan setakat itu sahaja, beberapa sungai yang membekalkan air bersih tidak mencukupi dan turut tercemar. Hal ini menambahkan lagi kebingungan pihak atasan dalam usaha memelihara dan memulihara flora dan fauna di Cameron Highlands. Tidak cukup dengan itu, hakisan tanah mula berlaku di beberapa kawasan.

Oleh yang demikian, pihak kementerian berkenaan perlu segera mengambil tindakan tegas demi membendung masalah ini. Pihak kementerian terbabit perlulah menggunakan peruntukan di bawah bidang kuasanya bagi mengekang aktiviti pencerohan hutan sekali gus menghentikan operasi kebun haram. Tanah rizab dan sungai rizab sewajarkan dipelihara dan dipertahankan sebaik mungkin kerana itu merupakan antara harta-harta negara yang tidak terpergi nilainya. Kemajuan yang dikehendaki tidak bermakna jika alam sekitar dijadikan galang ganti.

Cabaran-cabaran sebegini perlu diatasi dengan segera dan ditangani secara berhati-hati. Bagai menghela rambut dalam tepung : rambut jangan putus, tepung jangan terserak. Penyelesaian masalah perlu dibasmi hingga ke akar umbi.

Pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah demi memelihara tanah di Malaysia dan mengawal kepesatan pembangunan yang melibatkan penggunaan kawasan tanah secara haram. Antara agenda lain yang diberi fokus dalam RMK-11 yang dibentang Dato' Seri Najib Razak baru-baru ini adalah urusan pengeluaran hak milik Tanah Hak Adat Peribumi (NCR) kepada pribumi dan bumiputera Sabah dan Sarawak bagi menggalakan pembangunan tanah menggunakan teknologi moden melalui agensi kerajaan. Ini adalah berita gembira bagi penduduk di Sarawak dan Sabah dan merupakan sesuatu yang diharapkan sejak sekian lama lagi.

Masa depan Negara dilihat pada tindakan masa kini. Justeru, demi merealisasikan visi Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) iaitu ke arah institut latihan bertaraf dunia dalam bidang Pentadbiran Tanah, Ukur dan Pemetaan, kerja keras semua pihak amat diperlukan. Daripada pihak atasan sehinggalah ke pihak

bawahan perlu menggembrelleng tenaga dan berganding bahu melaksakan segala pelan-pelan tindakan yang telah digubal secara bersama.